



SALIM SHAARI | BERITA MINGGU

PRODUK TEMPATAN: Najib diiringi Abdul Aziz (tiga dari kanan) dan Exco Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Fatah Iskandar (dua dari kanan) mencuba kek 'Chocolate Muffins' ketika melawat gerai pameran, selepas majlis pelancaran Program Pembangunan Modal Insan Luar Bandar di Stadium Melewat, Shah Alam, semalam.

3 strategi bangunkan penduduk luar bandar

BH-28/5/2006

PM bimbang jurang pendapatan kini melebar semula

Oleh Azman Zakaria

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan menggunakan pendekatan menyeluruh berasaskan tiga tunggak utama untuk membangunkan masyarakat luar bandar serta meningkatkan pendapatan mereka.

- Tiga tunggak utama itu ialah;
- Melaksanakan program pembangunan luar bandar yang menekankan pembangunan modal insan;
 - Membuka peluang ekonomi baru supaya penduduk luar bandar dapat menjana pendapatan ekonomi yang berterusan; dan
 - Mengukuhkan keupayaan institusi sosial luar bandar.

Perdana Menteri berkata, meskipun taraf hidup masyarakat luar bandar bertambah baik tetapi statistik terkini menunjukkan kadar kemiskinan luar bandar pada 2004 masih lebih dua kali ganda kadar kemiskinan seluruh negara dan enam kali ganda kadar kemiskinan di bandar.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pelancaran

Program Pembangunan Modal Insan Luar Bandar, di sini semalam. Turut hadir Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin. Najib turut melancarkan Kelab Sahabat Kemas yang menghimpunkan warga kemas dan bekas pelajar Kemas untuk menyertai kegiatan pembangunan masyarakat.

Abdullah berkata, jurang pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar berjaya dirapatkan pada 1990-an, kini melebar semula dan hampir menyamai nisbah 1970 iaitu 1:2.14 berbanding 1:2.11 pada 2004.

"Sebagai kumpulan sosial yang penting, masyarakat luar bandar terus mendapat perhatian kerajaan, terutama dalam menggubal dasar pembangunan negara dan melaksanakan program pembangunan.

"Dengan itu, langkah tertentu terus diambil kerajaan untuk membangunkan masyarakat luar bandar supaya mereka dapat bersama dalam arus pembangunan perdana dan menikmati hasil pembangunan negara yang pesat," katanya.

Mengenai tiga tunggak utama itu, Abdullah berkata, penekanan kepada

pembangunan modal insan secara menyeluruh adalah elemen paling kritikal kerana maju mundurnya masyarakat bergantung pada tahap pendidikan dan kemahiran anggotanya.

Katanya, ibu bapa perlu mendampingi anak-anak di rumah seperti 'Kempen 2 Jam 3 Jam' oleh Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang mengesyorkan ibu bapa memberi perhatian kepada pelajaran anak sekurang-kurangnya dua jam untuk anak

“Rakyat Malaysia, tidak kira umur, sempadan negeri atau bidang kerja patut mengambil peluang yang ada untuk menambah ilmu dan menaik taraf kemahiran masing-masing”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

sekolah rendah dan tiga jam bagi anak sekolah menengah.

Beliau berkata, peluang ekonomi baru untuk masyarakat luar bandar dibuka untuk mereka menjana pendapatan yang stabil dan berterusan.

Katanya, penduduk luar bandar mesti merebut peluang dengan menyahut cabaran itu dan melaksanakannya kerana kerajaan hanya menyediakan persekitaran dan menunjuk jalannya.

Perdana Menteri juga berkata, usaha meningkatkan keupayaan institusi sosial luar bandar seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan masyarakat dan gerakan koperasi adalah penting, melalui kepemimpinan yang berwibawa, berketrampilan dan berwawasan.

Katanya, garis panduan dan tatacara kerja JKKK yang turut dilancarkan itu, dapat membantu institusi kepemimpinan peringkat kampung mengurus dan membangunkan kampung secara terancang.

Katanya, satu bentuk petunjuk pencapaian prestasi (KPI) perlu untuk membantu meningkatkan prestasi agensi pelaksana.